

# RINGKASAN KESELURUHAN LKAN 2021 SIRI 2

## AKTIVITI JABATAN, PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI PULAU PINANG

### PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH

- PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
- PEJABAT DAERAH DAN TANAH SPT/SPS/DTL



### RUMUSAN AUDIT

"Pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan. Sebanyak 55% hak milik yang dikeluarkan telah diusahakan/dibangunkan mengikut kelulusan/syarat nyata. Pencapaian kutipan hasil premium meningkat 572.3% pada tahun 2021 berbanding 2018 walaupun kelulusan permohonan pemberimilikan tanah berlaku penurunan. Pengurusan pindah milik kepada pihak kedua dan ketiga selepas diberi milik tidak memuaskan kerana berlaku pelanggaran syarat nyata dan sekatan kepentingan. Penguatkuasaan dan pemantauan oleh tiga PDT tidak memuaskan kerana berlaku aktiviti guna tanah tanpa kebenaran akibat perjawatan yang tidak mencukupi".

#### OUTPUT

1 349 KELULUSAN  
567 PEMBERIMILIKAN

2 BILANGAN KELULUSAN  
DIBERI MILIK

- Status pengeluaran hak milik tidak dapat ditentukan berikutan Daftar Form 2 di lima PDT tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini

#### KEBERHASILAN

- Dinilai berdasarkan guna tanah mengikut syarat kelulusan

11 daripada 20 permohonan yang diberi milik telah dibangunkan

9 daripada 20 permohonan yang diberi milik belum dibangunkan

#### PRESTASI KEWANGAN RM377.80 juta

Kutipan Hasil Premium Tanah (2018-2021)

#### PEMBANGUNAN TANAH

20 Isu Pelanggaran Syarat dan Penggunaan Tanah Tanpa Kebenaran

RM2.10 juta Premium Tanah Tidak Dikenakan

#### PROSES PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH

73 (29.9%) Lewat Diproses Untuk Kelulusan (Antara 3-570 hari)

### PICEB SDN. BHD. [PERBADANAN KETUA MENTERI]

### RUMUSAN AUDIT

"PCEB telah mencapai objektif penubuhan melalui pencapaian keberhasilan dengan menghasilkan *Estimated Economic Impact* (EEI) sebanyak RM1.664 bilion (2019-Julai 2022) daripada penganjuran acara perniagaan yang dijalankan di Pulau Pinang."

#### SUMBER KEWANGAN



RM13.20 Juta

Terimaan Geran Kerajaan (2019-2021)

#### OBJEKTIF PENUBUHAN



Telah Dicapai

#### TADBIR URUS KORPORAT



Kurang Memuaskan

Mencatat Keuntungan Sebelum Cukai (2019-2021)

#### KEDUDUKAN KEWANGAN



Stabil

Acara Perniagaan Sebelum Cukai (2019-2021)

### PEROLEHAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TAMAN BOTANI

#### JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

##### OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada: Perolehan penyenggaraan dan pembaikan di Taman Botani dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta prosedur yang berkuat kuasa.



##### APA YANG BERLAKU

**RM95,600**

Pecah Kecil  
Perolehan  
Perkhidmatan  
Penyenggaraan  
Pokok

**RM27,272**

Pecah Kecil  
Perolehan Kerja  
Penyenggaraan  
dan Pembaikan  
Pavilion

**JUMLAH PECAH KECIL PEROLEHAN**  
**RM122,872**

##### RUMUSAN AUDIT

Perolehan penyenggaraan dan pembaikan adalah memuaskan. Bagaimanapun, berlaku pecah kecil perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok dan sewaan jentera serta perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan pavilion.

### PELAKSANAAN AKTIVITI

- Pelaksanaan aktiviti promosi *roadshow* di India dan *tradeshow* di London menyumbang EEI berjumlah **RM18.90 juta** dan **RM161 juta**.
- Pentadbiran kontrak pelantikan *Professional Conference Organizer* dan ejen kurang memuaskan.
- Kelulusan **125** daripada 142 permohonan yang diberikan sokongan acara perniagaan tidak direkodkan.
- Penetapan kadar yuran penyertaan **152** rakan industri yang berdaftar dengan PCEB tiada dalam SOP.
- Aktiviti syarikat tidak selari dengan Perlembagaan.

#### TADBIR URUS KORPORAT

